

Perjuangan baru



ABDULLAH Ahmad Badawi melaungkan 'Hidup Melayu, Hidup UMNO' selepas menyampaikan ucapan dasar ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO ke-56 di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur, semalam. - Gambar ASWAD YAHYA

“ Kita harus memastikan bukan sahaja ‘Melayu tidak hilang di dunia’, tetapi Melayu juga tidak ketinggalan dan tetap hidup, maju dan jaya ”

Oleh ZAINI HASSAN

KUALA LUMPUR 21 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meniup wadah perjuangan baru ke dalam jiwa orang Melayu dengan mengajak mereka memperkayakan budaya bangsa berteraskan modal insan sebagai penentu survival kaum itu 14 tahun dari sekarang.

Menjelang ketibaan tahun 2020 dalam tempoh tersebut, beliau bertanya, apa ertinya kepada bangsa itu, jika negaranya maju, sedangkan orang Melayu hidup merempat.

“Kita harus memastikan, bukan sahaja Melayu tidak hilang di dunia, tetapi Melayu juga tidak ketinggalan.

“Sasaran kita (pada tahun 2020) adalah untuk mencapai matlamat pendapatan yang saksama, iaitu bagi setiap satu Ringgit pendapatan kaum bukan Melayu, orang Melayu juga akan menikmati pendapatan yang sama,” katanya semasa menyampaikan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-56 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ucapannya bertemakan Lonjakan Perkasa Bangsa antaranya berteraskan keperluan mempersiapkan diri kaum Melayu menuju ke arah negara maju kurang dua dekad dari sekarang.

Agenda Melayu, tajuk kecil di bawah tema itu, yang meliputi survival orang Melayu diberi tumpuan utama dalam ucapan beliau.

- **Lagi laporan, gambar - Muka 2, 3, 5, 6, 8, 9, 17, 18 dan 19**
- **Teks ucapan penuh PM - Muka 10, 11, 12 dan 13**

Para pemerhati politik melihat masih wujud kebimbangan pada diri Perdana Menteri setelah menyaksikan orang Melayu masih teraba-raba mencari pelancar untuk menuju ke hadapan.

Dalam ucapan bermula pukul 10.15 pagi dan berakhir 11.45 pagi, Abdullah turut menyentuh secara panjang lebar mengenai sikap orang Melayu yang masih belum berubah - cara pemikiran mereka - cara berniaga mereka serta sikap buruk mereka dalam permainan politik.

Sehubungan itu, kata Abdullah, untuk tempoh 14 tahun akan datang sehingga ke tahun 2020, orang Melayu perlu membuat satu lonjakan besar jika berhasrat mencapai tahap kesaksamaan itu.

“Usaha mengorak langkah perkasa perlu kita lakukan sekarang. Kita perlu menyusun strategi yang betul demi masa hadapan orang Melayu dan masa hadapan negara. Kita perlu memastikan segala tindakan berada pada landasan yang betul supaya kita tidak tersasar haluan.”

Bagaimanapun, beliau mengingatkan orang Melayu bahawa dalam persaingan untuk mencapai kesaksamaan itu mereka harus menempuh teras merit dan prestasi dengan kaum-kaum lain.

Cara untuk mengatasi rintangan itu, kata beliau ialah dengan mempunyai: “kemahuan, kemahiran, kepakaran, ilmu pengetahuan, daya tahan dan kerja kuat”.

Bagi mencapai kejayaan yang disasarkan, kata Abdullah, modal insan akan dijadikan pemacu baru negara bagi melahirkan lebih ramai anak Melayu menguasai sains - menguasai teknologi supaya sumber bekalan tenaga profesional Melayu terus terjamin menjelang tempoh

tersebut.

“Modal insan adalah menentu kepada ‘survival’ sesebuah negara. Modal insan merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambah, ditingkat nilai intelek serta diperkaya modal budaya.

Menurut beliau, masalah yang dihadapi orang Melayu harus ditangani dengan minda dan wadah perjuangan baru.

“Ia menyentuh maruah bangsa. Ia mengancam survival bangsa. Orang Melayu harus mencetus semangat perjuangan baru. Kelemahan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) harus diperbetulkan. Kita hendaklah menyemarakkan usaha perjuangan Melayu dengan strategi pendekatan meningkat keupayaan yang dapat meningkatkan pendapatan orang Melayu, secara mutlak - secara berpanjangan.”

Oleh itu, katanya kerajaan akan melipat gandakan usaha dengan memperbanyak dan mempelbagaikan program pembangunan insan di kalangan orang Melayu untuk membina kekuatan fizikal, mental dan rohani.

“Usaha akan ditingkatkan dan kemu-